

'Pertemuan itu bukan suatu perkara baharu'

Pertemuan Dr Mahathir dan Muhyiddin tidak akan jejakkan gabungan PH-BN pada PRN, kata Perdana Menteri

Oleh DIANA AZIS
KUALA LUMPUR

Gabungan Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Negeri (PRN) di enam negeri tidak akan terjejas, walaupun wujud kerjasama antara dua bekas perdana menteri, kata Pengerusi PH, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mengulas mengenai pertemuan antara Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tan Sri Muhyiddin Yassin bagi merintis kerjasama untuk gerakan Proklamasi Orang Melayu (POM) baru-baru ini, Anwar yang juga Perdana Menteri berkata, ia bukanlah suatu perkara yang baharu.

Sebaliknya, beliau menyifatkan gerakan itu tidak akan menggugat sokongan pengundi terhadap gabungan itu pada PRN nanti.

"Kelompok itu tetap akan bersekongkol untuk mempertahankan cara mereka dan harta mereka. Jadi, kita bertanggungjawab untuk menyelamatkan negara tercinta," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa Ke-10 2023



Anwar ketika hadir merasmikan Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa Ke-10 2023 di Kuala Lumpur pada Khamis.

(ISWC 2023) di sini pada Khamis.

Sebelum ini, Dr Mahathir yang juga Pengerusi POM dilapor mengadakan pertemuan bersama Pengerusi Perikatan Nasional (PN) itu selama hampir dua jam di kediamannya pada malam Selasa lalu.

Perjumpaan antara dua tokoh pemimpin berkenaan dikhabarkan bakal memberi semangat baharu dalam usaha memperkasakan serta menguatkan kedudukan orang Melayu.

Sementara itu, mengenai keputusan MCA dan MIC untuk tidak bertanding dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) yang akan ber-

langsung pada 12 Ogos ini, Anwar berkata, perkara itu telah dimaklumkan kepada beliau oleh kedua-dua presiden parti berkenaan.

"Kedua-dua Presiden MCA dan MIC ada menghubungi saya dan menyatakan pada peringkat ini mereka tidak akan bertanding, namun akan tetap memberi sokongan.

"Saya mengucapkan terima kasih atas kesediaan mereka untuk membantu dan mempertahankan kedudukan Kerajaan Perpaduan.

"Keputusan itu tidak akan jejakkan perancangan jentera parti komponen lain dalam Kerajaan Perpaduan," ujar beliau.